



Pengemaskinian Garispandu
Pengoperasian Sekolah-Sekolah Memandu bagi Latihan dan Ujian Memandu Mengikut
Pelan Pengurangan Langkah-Langkah Pengawasan Wabak COVID-19 Fasa Keempat
Bermula 5 Zulhijjah 1441H bersamaan dengan 27 Julai 2020M

Jenis Kelas	Garispandu yang Perlu Dipatuhi oleh Sekolah-Sekolah Memandu
A. Kelas Teori dan Ujian Kod Jalan Raya	<ol style="list-style-type: none">1. Mengadakan kelas seperti biasa iaitu pada kapasiti yang biasa pada satu-satu masa dengan mengikut jumlah pelajar yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat (JPD).2. Mendapatkan kod QR BruHealth yang khusus bagi premis sekolah memandu dan seterusnya mencetak dan melekatkan kod QR tersebut di kawasan pintu masuk dan keluar premis.3. Mengimbas aplikasi BruHealth bagi setiap jurulatih atau pelajar sebelum masuk dan sejurus sebelum meninggalkan premis sekolah memandu atau premis ujian.4. Pemeriksaan suhu badan sebelum memasuki premis sekolah memandu dan sebelum menduduki ujian kod jalan raya. Jika suhu badan seseorang individu sama ada jurulatih atau pelajar adalah melebihi paras suhu badan biasa (37°C) atau terdapat tanda-tanda demam atau selsema atau jangkitan COVID-19, maka jurulatih atau pelajar berkenaan adalah dikategorikan berisiko tinggi (<i>high risk</i>) dan tidak dibenarkan untuk memasuki premis sekolah memandu serta premis ujian. Individu berkenaan hendaklah meninggalkan premis sekolah memandu serta premis ujian dan seterusnya disarankan untuk berjumpa doktor bagi mendapatkan sebarang nasihat sebelum pulang ke rumah.5. Pemakaian penutup mulut dan hidung (<i>face mask</i>) bagi jurulatih dan pelajar semasa menghadiri kelas dan ujian.6. Penyediaan kemudahan mencuci tangan atau pembasmi tangan (<i>hand sanitizers</i>) serta bilik air yang bersih untuk kegunaan jurulatih dan pelajar.7. Jurulatih dan pelajar sentiasa menjaga kebersihan diri serta kerap membasuh tangan dengan pembasmi tangan. Elakkan sentuhan fizikal (<i>physical contact</i>).8. Memastikan bilik darjah mempunyai pengalihudaraan atau ventilasi (<i>ventilation</i>) yang baik.9. Melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan sanitasi sekurang-kurangnya selepas setiap kelas.10. Jangka masa bagi mengadakan kelas tidak melebihi dua (2) jam.

<p>B. Latihan atau Ujian Memandu</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengadakan latihan memandu seperti biasa iaitu pada kapasiti yang biasa pada satu-satu sesi latihan memandu. 2. Menyediakan kod QR BruHealth yang khusus pada sekolah memandu yang telah dicetak untuk kegunaan pelajar mengimbas. 3. Mengimbas aplikasi BruHealth bagi setiap jurulatih atau pelajar sebelum dan selepas latihan atau ujian memandu. 4. Pemeriksaan suhu badan sebelum latihan dan ujian memandu. Jika suhu badan seseorang individu sama ada jurulatih atau pelajar adalah melebihi paras suhu badan biasa (37°C) atau terdapat tanda-tanda demam atau selsema atau jangkitan COVID-19, maka jurulatih atau pelajar berkenaan adalah dikategorikan berisiko tinggi (<i>high risk</i>) dan tidak dibenarkan untuk menjalani latihan memandu serta ujian memandu. Individu berkenaan hendaklah meninggalkan premis latihan memandu serta premis ujian dan seterusnya disarankan untuk berjumpa doktor bagi mendapatkan sebarang nasihat sebelum pulang ke rumah. 5. Pemakaian penutup mulut dan hidung (<i>face mask</i>) bagi jurulatih dan pelajar semasa latihan dan ujian memandu. 6. Penyediaan kemudahan mencuci tangan atau pembasmi tangan (<i>hand sanitizers</i>) untuk kegunaan jurulatih dan pelajar. 7. Jurulatih dan pelajar sentiasa menjaga kebersihan diri serta kerap membasuh tangan dengan pembasmi tangan. Elakkan sentuhan fizikal (<i>physical contact</i>). 8. Disarankan untuk membuka tingkap kenderaan semasa sesi latihan dan ujian memandu. 9. Kenderaan latihan atau ujian hendaklah dibersihkan dan disinfeksi sebelum dan selepas digunakan terutamanya di bahagian permukaan alat-alat kenderaan yang sering disentuh/ dipegang seperti stereng, kerusi, gear, brek tangan dan pemegang pintu (<i>door handle</i>). 10. Selepas digunakan, kenderaan latihan atau ujian hendaklah direhatkan selama 15 minit sebelum digunakan semula untuk latihan atau ujian memandu dengan membuka semua pintu-pintu kenderaan untuk pengaliran udara. 11. Jangka masa bagi mengadakan latihan memandu tidak melebihi dua (2) jam.
<ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana pengusaha sekolah memandu yang didapati tidak mematuhi Garispandu ini boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. • Garispandu ini akan direbiu dari masa ke semasa. 	

Rujukan : JPD/LITAR/5.8/3
Tarikh Dikemaskini : 1 Zulhjjah 1441H / 23 Julai 2020